

TEMU JANJI YANG TELAH DIBUAT DUA MINGGU LEBIH AWAL AKHIRNYA MEMPERTEMUKAN PENULIS DENGAN ANAK MUDA BERWAWASAN TINGGI INI. MELALUI SEORANG TEMAN, PENULIS MELIHAT SENDIRI LAMAN WEB YANG MEMAPARKAN PERNIAGAAN *ONLINE* YANG BARU SAHAJA DITERAJUI. SIAPA SANGKA, WANITA YANG BARU BERUSIA 22 TAHUN INI MEMEGANG JAWATAN TINGGI DI DALAM SYARIKAT MILIKNYA SENDIRI.



PUTERI EMIRA

TERAJU PERNIAGAAN DI USIA MUDA

PENYELAPAS & PENULIS: ANIS NOR FOTO: MOHD HALIM WAHID SOLEKAN DINIE AWALLUDDIN BUSANA: LOSRAVELDA

Business - Entrepreneurs

Pg : 73-75

Control no : 0000274808

File name : MA/business/2015/Bus2015A01.pdf

gan
pat
n di

beri
eka
tan
sak.
an
duk
ng,
ati
ya
ya.
ma
ng:

ah
pur
ah
asa
an
tari
ya
n,"
ma

sk
ra
an
ya
an
ja,
to

hi
ya
an
ya
ka
alu

ua
au
pat
ng
tan
uh
ria
ng



Kala berjumpa di sesi fotografi, kesihatannya sedikit terganggu. Tetapi dek kerana janji yang telah dimeterai, dia tiba juga dan memberikan 1001 komitmen untuk beraksi di hadapan kamera. Tidak hairanlah mengapa Puteri Emira Haji Mohd Azlan atau mesra disapa Mira langsung tidak kekok bergaya. Dia sendiri menjadi model kepada produk fesyen keluarannya.

BIDANG PERNIAGAAN YANG DICEBURI?

Berlatar belakangkan pendidikan dalam dunia Komunikasi Media Massa, pemegang diploma ini kini memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan Losravelda dan Toolsforfolks Production miliknya dan suami. Dua cabang yang berbeza, bagaimana anda memulakan kedua-dua perniagaan ini?

"Losravelda pada awalnya adalah butik *online* yang mana ia diletakkan di bawah pengurusan atas talian. Sepanjang mengendalikan perniagaan ini, sambutan yang diterima cukup menggalakkan. Laman Instagram banyak membantu dalam meluaskan empayar perniagaan saya. Minat berniaga timbul setelah saya bekerja dalam tempoh yang lama dengan suami pada akhir 2014 sebagai juruvideo.

Lama-kelamaan, bidang perniagaan mula menarik minat saya dan kecenderungan dalam dunia fesyen mencetuskan idea untuk membuka sebuah butik. Alhamdulillah, Jun lalu butik pertama kami mula beroperasi di Seksyen 7, Shah Alam. Konsep yang cuba kami bawa ke pengetahuan mata peminat fesyen adalah penampilan sopan dan masih mendapat sentuhan *trendy* dan *anggun*," katanya.

APAKAH CABARAN BERGELAR USAHAWAN MUDA?

Usia hanya nombor yang memblang tahun kelahiran tetapi sekolah terbaik untuk mempelajari selok-belok dunia dan ragam manusia adalah pengalaman. Melalui pengalaman yang ada sewaktu bekerja di bawah seliaan suaminya dahulu, Mira lebih peka dan tabah menghadapi cabaran dalam kehidupan.

"Sejujurnya saya tidak mementingkan bidang perniagaan. Malah ia langsung tidak pernah terlintas dalam fikiran saya untuk berada di mana saya sedang berdiri sekarang. Minat saya lebih kepada bidang seni dan hiasan tetapi lama-kelamaan sedikit demi sedikit saya pelajari mengenai dunia perniagaan.

Itu pun setelah saya mula bekerja dengan suami sebagai juruvideo di bawah syarikatnya Toolsforfolks Production pada tahun 2012. Kami menawarkan pelbagai perkhidmatan termasuk perkhidmatan video, fotografi untuk perkahwinan, pengiklanan, korporat dan sebagainya. Pada Februari 2015, saya tekad untuk meneruskan niat menjadi usahawan."

SIAPAKAH IDOLA ANDA DALAM PERNIAGAAN?

Rentak muzik boleh diikuti tetapi rentak perniagaan, perlu ada 'guru' tersendiri. Meletakkan Jakel sebagai idola dalam perniagaan, Mira melalui peringkat kesukaran dalam kehidupannya. Sebagai isteri dan Pengarah Urusan syarikat sendiri, tanggungjawab yang dipikul lebih besar kerana jatuh bangun syarikat bergantung kepada usaha yang ditaburkannya. "Terlalu banyak cabaran yang perlu ditempuh. Dari sebelum memulakan perniagaan sehinggalah ketika mengendalikan perniagaan. Pada awal

pembabitan dahulu, saya pening kepala juga kerana modal diperlukan amat tinggi. Losravelda nama baru yang masih perlukan promosi besar-besaran. Jadi, pemilihan fabrik, upah tukang jahit, sewa, deposit, pembelian aset dan pengubahsuaian kedai, yuran iklan, bayaran kakitangan dan sebagainya memang cukup padat dalam fikiran.

Mahu atau tidak, perkara ini perlu diambil kira. Kehadiran suami dalam setiap saat-saat sukar begini sedikit sebanyak melegakan fikiran. Pembukaan butik di Seksyen 7 juga perlukan masa kerana kami inginkan lokasi terbaik untuk memasarkan produk keluaran kami. Hiasan dalaman dan konsep perniagaan pula perlu berjalan seiring. Komitmen sepenuhnya juga menjadi cabaran kepada saya kerana saya perlu bersedia dan berpengetahuan untuk melibatkan diri secara total dalam perniagaan," ujar Mira.

Tidak habis setakat itu, Mira juga memegang kawalan terhadap penjualan produk dan perkhidmatan dan mengendalikan operasi perniagaan. Pendek kata, usia mudanya perlu dilengkapi dengan senjata pengetahuan yang lengkap. Mujur suaminya Ajwad Khan Dato' Nasir Khan memberi sokongan penuh dan membantunya menguruskan aliran baru dalam kehidupan Mira.

APAKAH PERANCANGAN DALAM PERNIAGAAN?

Impian untuk membuka lebih dari satu butik dalam tempoh 10 tahun lagi sedang diatur teliti. Sebagai label fesyen yang bersaing dengan sengit sekarang, Mira yakin rekaan yang dikenali dengan *signature* Abaya kulit akan mendapat tempat di persada dunia.

"Sebaik butik pertama dibuka, saya tahu tanggungjawab yang digalas semakin berat. Persaingan di antara saya dan peniaga fesyen lain cukup sengit tetapi dalam suasana yang sihat. Ia membuatkan saya lebih fokus dan kreatif. Tidak semua orang mempunyai cita rasa sama jadi pelbagai kritikan saya terima dan jadikan motivasi diri serta panduan dalam apa jua rekaan saya.

Bukan mudah menyusur tangga. Harus sentiasa berwaspada dan bertenaga kerana sebagai bos, kita bukan orang yang hanya duduk goyang kaki. Kita perlu sama-sama bekerja dan menjadi contoh yang baik kepada pekerja-pekerja supaya mereka lebih bersemangat dan pada masa sama, dapat mempelajari selok-belok perniagaan juga.

APAKAH IMPIAN MASA HADAPAN?

Dalam perjalanan yang masih baru ini, pengalaman yang paling mengembirakan adalah apabila rekaan fesyen saya mendapat pujian daripada pelanggan yang berpuas hati dengan setiap produk yang dikeluarkan."

Melihat manusia sebagai sumber ilham, Mira akan terus fokus dengan industri fesyen sopan atau *modest fashion*. Bukan hanya terhad di Malaysia tetapi di mata dunia.

"Jika saya berjaya satu hari nanti, saya masih akan menjual produk keluaran saya dengan harga mampu milik pada kualiti produk terbaik. Mata dunia perlu dibuka lebih luas untuk melihat lebih banyak rekaan fesyen terkini dan kreatif memenuhi persada fesyen Muslimah dunia," ujarnya mengakhiri perbualan.